

19 MAC 2018

Kecoh masuk balai

HARIAN METRO

Kecoh masuk balai

■ **Lelaki cuba rampas senjata anggota polis ditahan**

Mohd Hasbi Sidek
news@nstp.com.my

Kajang

Lalok sehingga mahu rampas senjata anggota polis.

Itu tindakan seorang lelaki berusia 23 tahun yang memasuki Balai Polis Sungai Long, di sini, dan cuba merampas senjata api anggota sentri yang bertugas jam 2.40 pagi semalam.

Bagaimanapun, tindakan lelaki dipercayai berada di bawah pengaruh dadah itu menjerat diri sendiri apabila dia ditahan selepas berlaku pergelutan dengan anggota polis.

Ketua Polis Selangor Datuk Mazlan Mansor berkata, suspek ditahan dengan bantuan anggota Pejabat Pertanyaan Balai itu.

Katanya, terdahulu suspek masuk ke dalam balai dan secara tiba-tiba cuba merampas senjata api jenis HK MP5 digunakan anggota sen-

tri yang bertugas.

"Ketika kejadian, berlaku pergelutan antara suspek dengan anggota terbabit namun lelaki itu berjaya ditangkap dengan bantuan anggota Pejabat Pertanyaan Balai.

"Dalam kejadian itu, seorang anggota balai mengalami kecederaan pada pergelangan tangan kanan," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, siasatan awal mendapati motif suspek bertindak demikian dipercayai akibat pengaruh dadah dan lelaki itu mengaku pembabitannya dengan dadah.

"Semakan rekod jenayah mendapati suspek memiliki satu rekod jenayah berkaitan kes tipu.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 90 Akta Polis kerana berkelakuan tidak senonoh di balai polis dan Seksyen 332 Kanun Keseksanan kerana dengan sengaja mendatangkan kecederaan terhadap penjawat awam," katanya.



“ Suspek ditahan dengan bantuan anggota Pejabat Pertanyaan Balai Mazlan Mansor ”